

22 AUG 1998

Abdullah-politik

JANGAN JADIKAN MASALAH EKONOMI MAINAN POLITIK

KEPALA BATAS, 22 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua pihak terutama parti pembangkang supaya tidak menjadikan usaha pemulihan ekonomi oleh kerajaan sebagai satu bahan permainan politik.

Beliau berkata pembangkang telah mengaitkan usaha kerajaan terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turun ke padang untuk memberi penerangan mengenai kegawatan ekonomi, dengan pilihan raya.

"Ini bukan isu pilihan raya...saya harap usaha pemulihan ekonomi mendapat sokongan ikhlas dari pembangkang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Ahmad Badawi di sini.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno berharap pembangkang memberi sokongan kepada kerajaan khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa mencari jalan menyelesaikan masalah yang dihadapi negara sekarang.

"Kita (kerajaan) berharap mereka (pihak pembangkang) ada cadangan konkrit dan tidak mengkritik kerajaan sahaja," katanya.

Kepada anggota Umno, Abdullah meminta mereka supaya tidak terlalu memberi perhatian kepada masalah pemilihan pucuk pimpinan parti kerana ia hanya diadakan pada tahun depan.

"Jika mereka terpesong dengan hal-hal pemilihan, perkara itu mungkin mengurangkan perhatian mereka kepada usaha mengatasi masalah ekonomi," katanya.

Beliau berkata langkah Perdana Menteri memberi penerangan mengenai masalah ekonomi di seluruh negara diterima baik oleh rakyat.

"Usaha kerajaan menangani isu itu mesti dilakukan pada peringkat nasional, dengan mengemblem seluruh tenaga," katanya.

Dalam ucapannya pada majlis tersebut, Abdullah meminta pelajar supaya sentiasa berkelakuan baik dan berdisiplin di samping cemerlang dalam pendidikan.

"Cemerlang akademik mestilah diselaraskan dengan budi pekerti yang mulia dan baik," katanya.

-- BERNAMA

AHM MAI